

Presiden PKR: Anwar main teka teki
Malaysiakini.com
August 19, 2010

Ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih bermain teka-teki dengan wartawan berhubung sama ada beliau akan bertanding jawatan presiden parti itu pada pemilihan November ini.

Pada sidang media di ibu pejabat parti itu, hari ini, Anwar cuba mengalihkan tumpuan media dengan berkata beliau tidak pasti sama ada dicalonkan bagi jawatan berkenaan.

"Saya tidak memikirkannya dan tidak ada rakan-rakan di PKR yang memberitahu saya, 'Anwar, awak mesti bertanding'. Hanya mereka di luar parti yang sibuk," katanya.

Jawatan presiden PKR kini disandang oleh isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang Anwar secara bergurau berkata mendapat lebih banyak sokongan daripada dirinya.

"Azizah telah banyak menyokong saya...beliau telah menjalankan tugas dengan baik, jadi mengapa saya harus ganggunya?" soal Anwar sambil melemparkan senyuman.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/140562>